



## KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

Tarikh: 20 Disember 2016

Semua Petugas KUMPULAN KPF

### PEKELILING PENGURUSAN BIL : 41

### PERLAKSANAAN Matrik GAJI PETUGAS KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memaklumkan kaedah dan perlaksanaan matrik gaji petugas sebagaimana yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan Dan Pencalonan Bil.02-2016/2017 yang telah bersidang pada 17 November 2016.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Matrik yang dijadikan panduan bayaran gaji kepada petugas adalah berdasarkan kepada peruntukan Bilangan 9: **Syarat-Syarat Perkhidmatan Dan Peraturan Am Petugas** yang mana tanggagaji petugas adalah seperti yang ditetapkan oleh pihak KPF dari semasa ke semasa. Matrik ini juga dilaksanakan bagi tujuan menyelaraskan semula gaji petugas untuk disesuaikan dengan struktur gaji di pasaran tenaga kerja untuk KPF kekal berdaya saing.

3. Matrik gaji semasa yang digunakan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan & Pencalonan Bil: 02/2012 pada 26 April 2012. Matrik gaji yang digunakan ini distruktur mengikut gred dan jawatan disandang yang mana ianya meletakkan jumlah minima dan maksima gaji petugas, manakala peratus pergerakan gaji adalah ditentukan oleh prestasi tahunan semasa petugas melalui proses penilaian prestasi setiap tahun.

4. Oleh itu, matrik gaji semasa yang akan dilaksanakan ini adalah dibentuk menggunakan kuasa-kuasa yang telah diperuntukan oleh Peraturan dan amalan sedia ada serta diluluskan oleh Lembaga melalui kuasa yang diperuntukan melalui Mesyuarat Jawatankuasa.

## **DEFINISI**

5. Terma-terma dalam menerangkan pekeliling ini adalah bermaksud berikut melainkan bagi maksud-maksud lain :-

5.1 Matrik Gaji

Jadual yang menunjukkan tanggagaji yang diperolehi oleh petugas mengikut gred dan jawatan hakiki dilantik.

5.2 Gred

Klasifikasi jawatan bagi menentukan kelas dan taraf jawatan petugas

5.3 Jawatan Hakiki

Gelaran lantikan sebenar petugas mengikut surat perlantikan yang telah dikeluarkan

5.4 Petugas Tetap

Petugas yang status lantikannya adalah secara tetap berdasarkan kepada surat perlantikan yang dikeluarkan kepadanya

5.5 Petugas Kontrak

Petugas yang status lantikannya adalah secara kontrak berdasarkan kepada surat perlantikan yang dikeluarkan kepadanya

5.6 Aksara 'T'

Merujuk kepada kolumn teratas matrik gaji bermaksud "Tahun"

5.7 Aksara 'P'

Merujuk kepada kolumn paling kiri matrik gaji bermaksud "Pergerakan"

## MATRIK GAJI BARU

6. Semakan terhadap matrik gaji sedia ada telah dilaksanakan dengan mengemaskini semula jumlah gaji minimum dan maksimum sebelum ini. Walaubagaimanapun semakan ini tidak melibatkan perubahan gred dan jawatan sedia ada. Berikut adalah jadual skala gaji minimum dan maksimum baru yang digunakan :-

BIL	JAWATAN	GRED	LEVEL	GAJI POKOK (RM)	
				Minimum	Maksimum
<b>Pengurusan Tertinggi</b>					
1	Pengarah Eksekutif Kanan	2	A	21,010.00	86,480.00
	Ketua Eksekutif Syarikat				
2	Pengarah Eksekutif	3	A	16,670.00	68,620.00
	Ketua Eksekutif Syarikat/				
3	Ketua Eksekutif Syarikat/	4	A	12,100.00	49,810.00
	Pengurus Besar Kanan				
4	Ketua Eksekutif Syarikat	5	A	9,350.00	38,490.00
	Pengurus Besar				

Nota\* A – Merujuk kepada Ketua Eksekutif Syarikat

BIL	JAWATAN	GRED	LEVEL	GAJI POKOK (RM)	
				Minimum	Maksimum
<b>Pengurusan / Eksekutif / Pegawai</b>					
5	Pengurus Kanan	6		7,150.00	29,430.00
6	Pengurus	7		6,110.00	25,150.00
7	Penolong Pengurus/Eksekutif Kanan	8		3,850.00	15,850.00
8	Eksekutif	9		2,340.00	9,630.00

<b>Petugas Bukan Eksekutif</b>					
9	Pembantu Eksekutif/Penyelia Cawangan	10		1,640.00	8,620.00
10	Penyelia/ Kerani Kanan	11		1,520.00	7,990.00
11	Kerani/Penilai Emas	12		1,350.00	7,090.00
12	Kerani Rendah/Pemandu	13		1,170.00	6,150.00
<b>Petugas Sementara / Kontrak / Pelatih</b>					
13	Eksekutif Kontrak				2,200.00
	Pembantu Eksekutif Kontrak				1,500.00
	Pelatih Pengurusan				1,500.00
	Kerani Kontrak				1,200.00
	Petugas Sokongan				38.46/hari
<b>Pelatih Industri</b>					
14	Ijazah Sarjana				600.00
	Ijazah Sarjana Muda				500.00
	Dilpoma				400.00
	Sijil				300.00

7. Sehubungan itu, jadual matrik gaji mengikut gred dan jawatan telah dikeluarkan berasaskan aksara "T" - *Tahun* dan "P" – *Pergerakan gaji* bagi membolehkan penentuan kenaikan gaji tahunan petugas dilaksanakan dengan mudah dan berkesan. Contoh matrik baru gaji yang akan digunakan adalah seperti di **Lampiran**.

#### **PELARASAN KEPADA MATRIX GAJI BARU**

8. Bagi melaksanakan matrik gaji baru ini, gaji petugas akan diselaraskan mengikut kaedah dan syarat yang telah ditetapkan seperti jadual berikut:-

- 8.1 Hanya melibatkan petugas berstatus tetap yang telah mula berkhidmat sebelum tahun 2016; dan

- 8.2 Petugas berstatus tetap yang mula berkhidmat dalam tahun 2016 tetapi gaji semasanya tidak mencapai gaji minimum baru di dalam grednya akan memperolehi tanggagaji baru di paras (P1T1); dan
  - 8.3 Petugas berstatus tetap yang mula berkhidmat dalam tahun 2016 tetapi gaji semasanya telah melebihi gaji minimum baru di dalam grednya akan memperolehi tanggagaji di paras (P1) yang paling hampir dengan gaji semasanya; dan
  - 8.4 Petugas yang dinaikkan pangkat dalam tahun pekeliling ini dikuatkuasakan, akan memperolehi tanggagaji di paras (P1) yang paling hampir dengan gaji semasanya di matrik gaji gred barunya; dan
  - 8.5 Bagi petugas kontrak, pelarasan mengikut matrik gaji baru hanya akan dilaksanakan apabila kontraknya diperbaharui atau bertukar status kepada tetap selepas tarikh pekeliling ini dikuatkuasakan.
9. Untuk menyesuaikan gaji petugas dengan jadual matrik gaji baru, petugas akan memperolehi satu tanggagaji ke atas yang paling hampir selepas mengambil kira gaji semasanya seperti contoh berikut:-

Jawatan : Kerani (G12)

Gaji semasa : RM1,758.50

Tanggagaji paling hampir : Diantara P1T7 (RM1,708) dan P1T8 (RM1,777)

Tanggagaji baru petugas : P1T8 (RM1,777)

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

10. Perlaksanaan matrik gaji baru petugas ini secara tidak langsung telah mengubah kaedah penentuan kenaikan gaji tahunan sebagaimana yang diamalkan sebelum ini. Dengan perlaksanaan matrik gaji baru ini pergerakan gaji tahunan petugas akan ditentukan dengan empat kaedah berikut :-

<b>Pergerakan Gaji</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kadar Kenaikan</b>
Melintang	Cemerlang	9%
Menegak	Baik	5%
Mendatar	Memuaskan	4%
Statik	Perlu Diperbaiki	-

11. Sekiranya petugas telah mencapai tangga gaji terakhir dan gaji yang diperolehi adalah lebih rendah daripada gaji maksimum yang telah ditentukan dalam jawatan berkenaan, pergerakan gaji tahunan petugas bagi tahun berikutnya ditentukan pada pergerakkan (P) gaji terhampir tahun pertama (T1) matrik yang sama seperti contoh berikut :-

Jawatan : Kerani Kanan (G9)

Gaji Maksimum : T1P35 (RM7,990)

Gaji Semasa : T25P11 (RM6,347)

Pergerakan Gaji Tahunan : T1P31 (RM6,569)

### **KAEDAH PENAWARAN GAJI KEPADA KAKITANGAN BARU**

12. Perlaksanaan matrik gaji baru ini juga mengambil kira kaedah penentuan gaji yang bakal ditawarkan kepada petugas yang akan dilantik pada masa akan datang. Dasar dalam penentuan gaji petugas yang akan dilantik adalah ditetapkan dengan syarat-syarat berikut :-

- 13.1 Bakal petugas yang memiliki sebarang kelayakan yang diiktiraf di Malaysia dan tidak mempunyai pengalaman kerja yang melebihi satu tahun akan ditawarkan dengan gaji permulaan pada P1T1 untuk semua kategori gred dan jawatan; dan
- 13.2 Bakal petugas yang memiliki sebarang kelayakan yang diiktiraf di Malaysia dan mempunyai pengalaman kerja melebihi satu tahun akan ditawarkan dengan gaji mengikut bilangan tahun pengalamannya dalam bidang yang sama sebagaimana jawatan yang dipohon; dan

13.3 Bakal petugas yang memiliki kelayakan ikhtisas atau sijil profesional dan ditawarkan dengan jawatan eksekutif ke atas, gaji permulaan yang ditawarkan adalah di (T8).

## **PENGECUALIAN**

13. Pekeliling ini digunakan untuk semua petugas KPF dan sebarang pengecualian terhadap mana-mana peruntukan di dalam pekeliling ini hendaklah dirujuk serta mendapat kelulusan bertulis daripada Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan.

## **TARIKH BERKUATKUASA**

14. Pekeliling Pengurusan ini berkuatkuasa mulai pada 1 Januari 2017.

## **PEMAKAIAN**

15. Tertakluk penerimaannya oleh Lembaga masing-masing, Pekeliling ini pada dasarnya dipanjangkan kepada semua subsidiari di bawah Kumpulan KPF untuk perlaksanaan dan tindakan sewajarnya.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,  
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

**(SAKINAH SALLEH)**  
Ketua Pegawai Eksekutif/  
Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan

20/17